

**16 Okt 2024**

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi FELDA  
GUGUSAN CHIKU**

**FELDA GUGUSAN CHIKU** telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan **FELDA GUGUSAN CHIKU**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas **8** ladang yang diuruskan oleh **FELDA GUGUSAN CHIKU**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **FELDA GUGUSAN CHIKU** pada **18 – 21.11.2024**. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: [central@jsm.gov.my](mailto:central@jsm.gov.my). Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
FELDA CHIKU 01	Felda Chiku 01, P.O. Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.	1921.07	4°54'31.4"N 102°10'19.9"E
FELDA CHIKU 02	Felda Chiku 02, P.O. Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.	1218.60	4°55'46.4"N 102°10'54.2"E
FELDA CHIKU 03	Felda Chiku 03, P.O. Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.	1316.88	4°58'17.5"N 102°12'00.6"E
FELDA CHIKU 05	Felda Chiku 05, P.O. Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.	1495.07	4°59'13.0"N 102°12'10.3"E
FELDA CHIKU 06	Felda Chiku 06, P.O. Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.	880.93	4°59'06.9"N 102°11'39.5"E
FELDA CHIKU 07	Felda Chiku 07, P.O. Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.	1192.63	5°01'50.2"N 102°08'57.2"E
FELDA ARING 01	Felda Aring 01, P.O. Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.	952.90	4°54'29.4"N 102°04'49.4"E
FELDA PERASU	Felda Perasu, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim.	836.67	4°54'29.4"N 102°04'49.4"E

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **FELDA GUGUSAN CHIKU** terdiri daripada:

- i) En. Azmi bin Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) Puan Nurul Basyirah binti Bahrum sebagai Juruadit ( Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) En. Mohd Rizal bin Md Kassim sebagai Juruadit ( Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) En. Ermadasila bin Mohamad sebagai Juruadit ( Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 19.11.2024  
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari  
Lokasi : Felda Chiku 01,P.O. Gua Musang,18300 Gua Musang,Kelantan Darul Naim.

*Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.*

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami.

Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Atika Binti Bakar  
Trans Certification & Inspection Sdn.  
Bhd.  
No. B30, Tingkat 1,  
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan Pahang  
Tel: +609-5751333.  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.